

Sebuah pertubuhan Islam antara sasaran SPLO

LAGI 5 NAMA DIDEDAH KAN

• Cara-cara SPLO
bergerak
disiarkan di muka 4.

NAMA lagi lima orang anggota pertubuhan haram, Organisasi Pembebasan Rakyat Singapura (SPLO), yang merancang untuk menggulingkan pemerintahan menerusi tindakan-tindakan ganas, telah didedahkan semalam, di samping fakta-fakta baru mengenai rancangan pertubuhan tersebut untuk menjadikan salah sebuah pertubuhan Islam di sini sebagai salah satu sasarannya.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Halehwal Dalam Negeri semalam, juga mendedahkan betapa Parti Pekerja (WP) telah dipergunakan oleh SPLO — tanpa pengetahuan parti itu — untuk mencapai matlamatnya itu.

Silat

SPLO juga merancang melibatkan pendekar-pendekar silat untuk membantu revolusi yang mereka rancang itu.

Lima orang anggota SPLO yang nama dan gambar-gambar mereka didedahkan semalam ialah Mohd Isa Abdul Aziz, Othman Abdullah, Amir Ali Mohd, Abdullah Salam dan Mohamed Fossil Mohamed Yahya.

Kelima-lima mereka masih lagi ditahan.

Lima orang anggota SPLO yang lain telahpun dipenjarakan kemarin antara dua dengan empat tahun kerana kesalahan-

kesalahan di bawah Seksyen 27 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mereka ialah Zainulabiddin Mohd Shah, Hashim Mukayat, Sulaiman Muhamad Shariff, Abdul Rahim Abdul Rahman dan Hamid Husin.

Kenyataan Kementerian semalam mendedahkan bahawa pertubuhan Islam yang cuba ditembusi oleh SPLO ialah Bahagian Pemuda Jamiyah.

Salah seorang anggota SPLO, Amir Ali, telah mencadangkan supaya mereka menyusup ke dalam Bahagian Pemuda itu dan "menggunakan anggota-anggotanya untuk tujuan-tujuan pemberontakan."

Amir juga, dalam pengakuannya, telah menyebut nama seorang guru silat yang menurutnya boleh memberi bantuan kepada mereka.

Sambil menekankan bahawa penangkapan 10 orang anggota SPLO itu tidak ada kena mengena dengan pelibatan politik mereka, Kementerian itu bagaimanapun menjelaskan bahawa SPLO telah mempergunakan Parti Pekerja (WP) untuk mencapai maksud mereka.

Fakta ini jelas kelihatan apabila Zainulabiddin, ketua komplot itu, menggunakan salah satu mesyuarat parti itu yang mulanya bertujuan untuk membincangkan soal menghidupkan semula kegiatan-kegiatan WP di kawasanundi Pasir Panjang, kepada satu perbincangan yang mengkecam Pemerintah PAP, hingga

menimbulkan rancangan menubuhkan SPLO.

Salah seorang anggota SPLO, Mohd Isa, pula telah diarahkan supaya mendapatkan seberapa ramai belia Melayu dari Kaki Bukit dan Jalan Eunos untuk memasuki SPLO dengan berselindungkan Parti Pekerja.

23 JAN 1982
Risalah-risalah menghasut yang dirancang untuk dibagi-bagikan dalam perayaan Maulud Nabi di Stadium Negara pada 9 Januari lalu, kata kenyataan Kementerian itu, adalah untuk menyediakan asas bagi perjuangan bersenjata untuk menggulingkan pemerintah.

"Walaupun risalah-risalah itu tidak mengandungi

★ Muka 8 Ruang 7